

# Struktur Pemerintahan Dan Pentadbiran China

*Asmadi Mohamed Naim*

China adalah suatu kawasan terpencil daripada jiran-jirannya. Utaranya dipisahkan dengan gurun yang luas menghala ke Tengah Asia. Bahagian Baratnya dibanjari oleh Banjaran Tibet. Hutan tebal pula menutupi sempadannya dengan Asia Tenggara. Manakala bahagian Timur pula, menghala ke Lautan Pasifik. Atas dasar tersebut, sarjana mengatakan bahawa China hanya berhubung secara minimum dengan dunia luar semenjak 6000 tahun. Hanya pada dua kurun terakhir, China melibatkan diri dengan dunia global. Walaupun begitu, tamadun China tetap mengalami banyak perubahan dalam pembentukan sistem pemerintahannya. Perubahan demografi, geografi, ekonomi, dan sosial masyarakat memberi kesan yang agak mendalam ke atas sistem pemerintahan China.

Corak pemerintahan awal China dikenal pasti bermula dengan sistem berwaris, malah ia dikatakan sudah bermula sebelum kemunculan Dinasti Hsia lagi dan diteruskan oleh Dinasti Shang. Dalam sistem pemerintahan ini, pihak raja akan dibantu oleh golongan pembesar tempatan. Oleh kerana berlakunya perluasan wilayah, maka corak pemerintahan juga berubah. Bermula dengan Dinasti Chou/Zhou sistem pemerintahan China semakin besar berikutan semakin luasnya wilayah jajahan. Dari sinilah bermulanya sistem pemerintahan secara formal dalam sejarah China. Untuk memahami dengan lebih jelas, berikut adalah kronologi sejarah Tamadun Cina:

## Kronologi Sejarah Tamadun Cina

Tahun	Pemerintahan
2100-1600 S.M.	Dinasti Hsia/Xia
1600- 1066 S.M.	Dinasti Shang
1066- 256 S.M.	Dinasti Zhou/Chou Dinasti Zhou/Chou Barat, 1066-771 S.M. Dinasti Zhou/Chou Timur, 770-256 S.M. Zaman Musim Bunga- Musim Luruh/Chun Qiu 770-476 S.M. Zaman Negeri-Negeri Berperang, 475-221 S.M.
221-206 S.M.	Dinasti Qin/Chin
206 S.M. – 220M	Dinasti Han a. Dinasti Han Barat, 206 S.M. – 23 M. b. Dinasti Han Timur, 25- 229 M.
220 – 280 S.M.	San Guo (Tiga Negara) a. Dinasti Wei, 220- 265 M. b. Dinasti Shu, 221- 263 M. c. Dinasti Wu, 220-280 M.
265-316 M	Dinasti Chin Barat.
304 – 439 M	Dinasti Chin Timur.
420 – 589 M	Dinasti di Utara dan Selatan China. 1. Dinasti di Selatan. a. Song, 420-479 M b. Qi/Chi 479-502 M c. Liang 502-557 M d. Chen 557-589 M  2. Dinasti di Utara China. a. Wei Utara 386-534 M b. Wei Timur, 534-550M c. Qi/Chi Utara, 550- 577 M d. Wei Barat, 535-557 M e. Zhou Chou, 557-581M
581 – 618 M	Dinasti Sui
618 – 907 M	Dinasti Tang
	Dinasti Lima dan Sepuluh Negara a. Dinasti Liang Akhir, 907-923 M

907 – 979 M	b. Dinasti Tang Akhir, 923-936 M c. Dinasti Jin Akhir, 936-946 M d. Dinasti Han Akhir, 947-950 M. e. Dinasti Zhou / Chou Akhir, 951-960 M Sepuluh Negara, 902-979M
960 – 1279 M	Dinasti Song a. Dinasti Song Utara, 960-1127 M b. Dinasti Song-Selatan, 1127-1297 M
1271 – 1368 M	Dinasti Yuan
1368 – 1644 M	Dinasti Ming
1644 – 1911 M	Dinasti Qing/Ching
1912 – 1916 M	Era Republik China
1916 – 1928	Era Panglima Perang
1928 – 1949	Republik China di bawah Guomintang/Kuomintang
1949	Republik Rakyat China

(Sumber: Azhar Mahros et. all, 2000:) 216-217

## Struktur Pemerintahan Tamadun Cina

Sebahagian ahli sejarah mengatakan sistem pemerintahan China tradisional terbahagi kepada dua zaman utama, iaitu zaman pemerintahan feodal atau monarki dan zaman imperialisme. Namun para sarjana China Komunis mendakwa zaman Dinasti Hsia (Xia), Shang dan Zhou merupakan zaman perhambaan masyarakat di China. Zaman pemerintahan *feodal* ini bermula daripada abad ke-11M dengan penubuhan Dinasti Zhou (1027-256SM) dan berakhir pada abad ke-3 SM. Manakala zaman imperialisme bermula dengan penubuhan Dinasti Qin (211-206 SM) dan berakhir dengan kelahiran Republik China pada tahun 1911M. Sebahagian sarjana, contohnya Suzanne Ogden (1989) tidak membezakan sistem pemerintahan China tradisional kepada dua zaman. Sebaliknya mereka membahagikan keseluruhan sistem tersebut kepada sistem imperialisme. Sistem republik muncul selepas kejatuhan sistem imperialisme tersebut.

## Corak Pemerintahan Sistem Feudal

Sistem feudal dianggap sebagai satu kejayaan organisasi politik pemerintahan Zhou. Sistem ini tertubuh secara beransur-ansur. Ia terhasil daripada keperluan politik dan keadaan semasa. Raja-raja Dinasti Zhou mula menggunakan beberapa konsep penting dalam pemerintahan seperti 'Mandat dari Langit' dan 'Anak Langit'. Kedua-dua konsep ini muncul untuk mendapatkan pengesahan bahawa pemerintah mereka benar-benar mendapat mandat dari 'langit'. Oleh itu rakyat perlu menyokong pemberontakan menjatuhkan pemerintah Shang. (Lok Chong Hoe 1998: 7)

Sewaktu Dinasti Zhou mula ditubuhkan, rajanya tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menubuhkan suatu kerajaan berpusat. Ini adalah kerana keluasan empayar Zhou telah melonggarkan pegangan kuasa raja-raja untuk mengawal sepenuhnya wilayah yang besar itu. Ekoran itu, pemerintahnya terpaksa mewujudkan negeri-negeri kecil atau negeri feudal dengan banyaknya. Terdapat lebih 100 buah negeri dan diperintah oleh kaum keluarga dan puak-puak yang menyokongnya. Setiap negeri ini mempunyai kuasa penuh dalam mentadbir wilayah mereka termasuk hal-hal kewangan dan ketenteraan. Pembesar-pembesar ini memakai gelaran masing-masing. Pemerintahan Zhou hanya mendapat taat setia dari pembesar-pembesar itu melalui satu upacara taat setia yang ditetapkan. (Azhar Mad Aros et. all, 2000: 232)

Raja-raja Zhou telah mendirikan sebuah dinasti yang paling lama dalam sejarah China dan mereka dihormati sebagai pengasas adat resam, sosial dan moral orang-orang Cina. Namun demikian, corak pemerintahan ini tidak kekal lama. Dengan pembahagian tanah dan kuasa yang diamalkan dalam sistem feudal ini, kerajaan Zhou/Chou menjadi semakin lemah dan mulai merosot pada abad ke-8M. Peperangan mula berlaku antara negeri-negeri feudal. Keseluruhan sistem politik dan sosial menjadi kucar-kacir. Di sebalik suasana kacau-bilau ini telah menyaksikan satu peristiwa kemunculan aliran-aliran falsafah dan pemikiran yang memberikan suasana baru dalam era pemerintahan politik di China. (Ibid: 232)

Kebangkitan pelbagai aliran falsafah seperti Konfuciusnisme, Maoisme, Taoisme dan Legalisme adalah satu reaksi kepada keperluan zaman tersebut. Aliran Konfuciusnisme menganjurkan sebuah sistem pemerintahan berdasarkan kepada kebaikan dan kebajikan. Idea politiknya menekankan kepentingan budi pekerti dan moral seorang pemerintah. Idea ini turut mempengaruhi pemikir-pemikir lain. Mencius, umpamanya menegaskan sesebuah negara sebenarnya adalah satu institusi moral yang teguh. Dalam pada itu, ahli falsafah dari Legalisme, menentang dengan mendakwa pemerintahan berdasarkan etika tidak sesuai diamalkan dalam sesebuah masyarakat yang sedang mengalami perubahan, tetapi sebaliknya undang-undanglah yang mesti menggantikan moral dan etika. Selain itu, mereka juga menganjurkan kuasa dan ilmu ketatanegaraan sebagai faktor penting dalam politik dan kerajaan.

## **Penghapusan Sistem Feudal kepada Imperialisme**

Perkara pokok yang dibincangkan di kalangan ahli fikir Konfuciusnisme dan Legalisme ialah sama ada sistem feodal harus dikekalkan atau dihapuskan. Ahli-ahli Konfucius bertegas agar ia dikekalkan. Alasan mereka perpecahan yang berlaku dalam sistem feodal berpunca daripada sikap pembesar-pembesar feodal yang tidak mementingkan adat istiadat dan kod etika yang lalu. Bagi ahli Legalisme pula, mereka mendakwa sistem feudallah yang bertanggungjawab pada perpecahan yang berlaku. Oleh itu, sistem tersebut perlu dihapuskan dan sebuah kerajaan berpusat mesti didirikan.

Dalam pergolakan perebutan kuasa di kalangan negeri-negeri feodal, negeri Qin/Chin (220 SM) berjaya menyatukan seluruh negara China. Faktor kejayaan Qin adalah kerana negeri itu telah mengamalkan sepenuhnya teori-teori yang dianjurkan oleh ahli Legalisme. Contoh kejayaan yang gemilang ini telah menghapuskan kepercayaan ramai ke atas kemampuan sistem feodal dan mula mengalihkan pandangan kepada bentuk sistem imperialis.

## Pembentukan Kerajaan Imperialisme Berpusat

Era pemerintahan Dinasti Chin membawa suatu perubahan dalam sistem pemerintahan China. Tokoh yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan penghapusan kesan sistem feodal di China ialah Shih Huang-Ti yang menggunakan gelaran Maharaja. Beliau telah menjalankan penyatuan dan menghapuskan perbezaan antara rakyat China ketika itu. (Edwin O. Reischauer et. all, 1970: 87)

Dengan dasar Legalisme, beliau memperkenalkan satu undang-undang yang keras ke atas rakyatnya. Sesiapa yang melanggar undang-undang dan arahan maharaja akan dikenakan hukuman yang berat. Rakyat dikerah melakukan kerja-kerja paksa bagi mengukuhkan kerajaan China. Suatu *trademark* yang anda mungkin ingat ialah Tembok Besar Negeri China. Tembok ini dibina semasa pemerintahan Shih Huang Ti. Ia dibina sebagai kubu benteng pertahanan daripada serangan musuh. Bagi menjayakan lagi misinya, maharaja ini menghapuskan semua ajaran atau falsafah yang bertentangan dengan dasar Legalisme. Buku-buku ajaran Konfucius telah dibakar dan pengikutnya yang ingkar dibunuh. Sistem sukat dan ukur disatukan dan diseragamkan. Mata wang juga diselaraskan di seluruh China.

Maharaja Shih Huang Ti kemudiannya membahagikan empayarnya kepada 36 wilayah atau bahagian dan beberapa daerah. Seorang gabenor awam dan gabenor tentera telah dilantik di setiap wilayah dan seorang pegawai pemerhati ditugaskan memantau tugas gabenor setiap wilayah. Bagi mengelakkan berlakunya pemberontakan, senjata-senjata orang ramai telah dirampas dan 120,000 keluarga aristokrat telah dipindahkan ke Hsien Yang, pusat kerajaan Dinasti Chin. (Edwin O. Reischauer et. all 1970: 87)

Namun pemerintahan yang penuh dengan kekerasan dan totalitarian legalis ini, akhirnya mendapat tentangan hebat daripada rakyat jelata. Pemberontakan dalaman berlaku mengakibatkan Dinasti Chin akhirnya berjaya digulingkan. Dinasti Han (202 SM) kemudian muncul sebagai pengganti tetapi menjalankan

dasar pemerintahan yang lebih bertolak ansur dan sederhana, di mana prinsip-prinsip politik Konfucius dan Legalisme telah diterima sebagai dasar pemerintah Han. Di samping menjalankan pemerintah yang lebih sederhana, dinasti-dinasti selepas China juga telah melaksanakan pembangunan dan kemajuan dan aspek ekonomi dan sosial serta memperbaiki sistem pentadbiran serta memperkenalkan sistem peperiksaan awam. Sistem kerajaan imperialisme yang dimulakan oleh Qin dan diteruskan sehingga Han, berfungsi selama 2000 tahun di China.

## Zaman Peralihan

Zaman ini bermula pada pertengahan abad ke-19. Struktur masyarakat Cina bergerak ke arah yang lebih moden. Ia berlaku pada zaman Dinasti Ching yang menyaksikan pencerobohan kuasa Barat ke atas China. Pencerobohan ini seolah-olah memaksa supaya China mengubah corak pemerintahan berajanya. Pada tahun 1898, golongan pembaharuan yang diketuai oleh Kang Yu-wei mendesak supaya sistem raja berperlembagaan diperkenalkan. Namun usaha golongan ini gagal dan dihapuskan oleh maharaja ketika itu iaitu Maharani Dowager Tsu-shi. (Jack Gray 1990: 241)

Selepas itu, golongan pembaharuan lain yang diketuai oleh Dr. Sun Yat Sen berusaha untuk membentuk pentadbiran China moden yang menghapuskan sistem kemaharajaan. Melalui Revolusi 1911, sistem kemaharajaan telah dihapuskan dan sebuah republik di China berjaya ditubuhkan. Presiden mengetuai republik ini dan dua buah dewan berperanan meluluskan undang-undang. Kerajaan ini ditentukan oleh rakyat melalui pilihan raya. Namun usaha ini juga gagal kerana Presiden sementara iaitu Yuan Shih-Kai telah mengkhianati usaha tersebut dengan memaksa Parlimen melantik beliau sebagai Presiden. Beliau berusaha menghidupkan semula sistem kemaharajaan dengan melantik dirinya sebagai maharaja. (Azhar Mad Aros et. all 2000: 236) Selepas kematiannya, kekacauan terus berlaku di China. Panglima-panglima perang merupakan golongan paling berkuasa dalam sesuatu kawasan. Pada tahun 1928, Chiang Kai-shek menyatukan semula China. Namun perpecahan tetap wujud kerana ia hanya berupaya menguasai sepuluh peratus sehingga dua puluh lima

peratus dari negeri China sahaja sehingga tahun 1930. (Jack Gray, 1990: 241) China mengalami perubahan pentadbiran lagi pada tahun 1949 apabila ia dikuasai oleh Parti Komunis China di bawah pimpinan Mao Tze-tung. Di bawah kerajaan komunis, pentadbiran China yang lebih moden telah dibina. (Azhar Mad Aros et. all, 2000: 236, 237) 10 - 25%

## Institusi Pemerintahan

Struktur pentadbiran kemaharajaan China digambarkan sebagai suatu corak pemerintahan yang cukup teratur dan sistematik. Maharaja diletakkan sebagai ketua pemerintah dan dibantu oleh tiga orang pegawai tertinggi iaitu Perdana Menteri, Setiausaha Maharaja dan Panglima Tentera Tertinggi. Pada waktu ini, maharaja berkuasa penuh dan kuasa menteri merosot dengan beransur-ansur melalui beberapa zaman. Pada zaman Dinasti Tang (Edwin O. Reischauer et. all, 1970: 87, 168) beberapa jentera pentadbiran kerajaan ditambah bagi membantu tugas maharaja iaitu pembentukan sistem Tiga Majlis dan Enam Kementerian dalam kerajaan pusat. Majlis-majlis tersebut ialah:

Imperial Secretariat (Chung-shu-sheng) bertujuan menggubal polisi kerajaan dan melaksanakan arahan maharaja.

The Imperial Chancellery (Men-hsia-sheng) sebagai badan pemeriksa arahan dan memulangkan kepada badan penggubal untuk disahkan.

Secretariat of State Affairs (Shang-shu-sheng) sebagai badan pelaksana polisi yang telah diluluskan.

Manakala Enam Kementerian ialah:

Kementerian Perjawatan.

Kementerian Hasil.

Kementerian Upacara.

Kementerian Perang.

Kementerian Keadilan.

Kementerian Kerja Raya.

Sistem Enam Kementerian ini adalah sebuah pertubuhan yang kekal kerana ia diamalkan oleh dinasti-dinasti seterusnya sehingga kepada dinasti terakhir iaitu Dinasti Ching. (1644-1911M)

## Sistem Peperiksaan Awam

Sistem Peperiksaan Awam (SPA) merupakan saluran terpenting dalam melantik pegawai-pegawai awam yang bertugas dengan kerajaan. Kewujudan SPA melambangkan kecanggihan pentadbiran China. Sejak awal lagi sistem ini digunakan oleh kerajaan Imperial untuk memilih pegawai-pegawai birokrat. Ia diamalkan secara rasmi dan lebih teratur semasa pemerintahan Dinasti Song dan Tang. Sistem ini bertahan sehingga berakhirnya Dinasti Ching pada abad ke-20, iaitu menjelang kejatuhan kerajaan imperialisme yang terakhir. (John L. Nevius, 1990: 56)

Sewaktu pemerintahan Dinasti Ching, peperiksaan ini terbahagi kepada tiga peringkat. Pelajar atau calon dikehendaki menduduki semua peringkat bagi mencapai status golongan pegawai kerajaan. Pada peringkat pertama, mereka dikehendaki menduduki peperiksaan peringkat daerah, sebelum memasuki peringkat wilayah dan metropolitan. Pada peringkat daerah mereka yang lulus mendapat sarjana *Sbeng-yuan* iaitu pelajar kerajaan atau *Hsiu-ts'ai* iaitu bakat yang cantik. Pada peringkat wilayah pula, pelajar perlu lulus sarjana *Chu-jen*. Manakala peringkat metropolitan ialah sarjana *Kung-shih*. Walaupun mereka telah lulus semua peringkat tetapi bagi mendapatkan kedudukan yang lebih tinggi dalam kerajaan, mereka harus menduduki satu lagi peringkat, iaitu peringkat istana. (Ibid: 56)

Dalam peperiksaan tersebut, ajaran Konfucius menekankan nilai-nilai moral. Nilai-nilai lain ialah seperti pemerintahan berdasarkan moral dan kebajikan, memupuk keadilan dan kesetiaan. Seterusnya Konfuciusnisme dijadikan kuasa ideologi di kalangan bakal pegawai-pegawai kerajaan tersebut. SPA ini juga penting bagi meningkatkan status rakyat ke tahap lebih hormat dan berpengaruh dalam empayar China.

Institusi politik dan sistem pemerintahan China tradisional dilihat mempunyai pengaruh yang cukup luas ke atas tamadun lain di dunia. Perhubungan di antara Inggeris dan China umpamanya telah memberi kesan, di mana satu bentuk sistem peperiksaan awam yang meniru SPA di China diperkenalkan di England pada abad ke-19. Suatu yang menarik dan unik ialah kita melihat bagaimana falsafah Confuciusnisme begitu berperanan di dalam melantik pegawai-pegawai birokrat menerusi SPA. Hal ini tidaklah mustahil kerana nilai-nilai etika dan moral yang diajarkan oleh Konfuciusnisme dapat mengimbangi kuasa politik China agar dapat berjalan dengan stabil dan harmoni dan berfungsi sebagai ideologi yang menyeluruh untuk ketenteraman masyarakat.

## **Kesimpulan**

Melalui perbincangan di atas, dapat dirumuskan sistem pemerintahan China amat berkait rapat dengan aliran pemikiran dan agama yang dipegang oleh pemerintah seperti mana yang berlaku dalam sejarah peradaban dunia. Aliran-aliran pemikiran khususnya menginstitusikan masyarakat mereka bermula dengan konsep mandat dari langit hinggalah kepada faham komunis yang kekal di China sehingga hari ini. Justeru China telah menyaksikan kelahiran sistem-sistem pemerintahan yang didokong oleh aliran-aliran pemikiran tersebut.

## **Etika dan Nilai dalam Tamadun China**

Etika adalah manifestasi kepada falsafah dan pemikiran seseorang. Ia mempersoalkan dan mengkaji nilai baik dan buruk, betul dan salah, benar dan palsu, manfaat dan mudarat. Sistem etika sosial dan sistem nilai digubah semata-mata untuk membentuk manusia dan masyarakat yang baik dan sempurna. Aliran-aliran falsafah dan pemikiran tokoh-tokoh seperti Konfucius, Lao-Tze, Mencius, Mo Zi dan lain-lain memberi sumbangan ke arah pembentukan sistem sosial dan etika. Walaupun pandangan mereka kadangkala bertentangan, namun antara mereka pengaruh falsafah Konfucianisme mendominasi peradaban negara China.

## Pandangan pada Sifat Manusia

Pandangan Tamadun China pada sifat manusia adalah perkara asas bagi falsafah kehidupan dan sistem etika mereka. Antara pandangan-pandangan mengenai manusia dalam Tamadun China adalah:

### *Pandangan Konfucius*

Konfucius mempunyai pandangan tersendiri berkenaan sifat manusia. Menurut beliau, "Sifat manusia pada mulanya dekat, hanya kerana amalnya tidak sama, maka jarak antara satu sama lain menjadi jauh." Namun sifat manusia boleh diperbaiki dengan cara pembelajaran dan pendidikan serta memperluaskan pengetahuan, memperkukuhkan kebolehan dan mempertingkatkan kualiti personaliti.

### *Pandangan Mencius atau Meng Zi*

Pandangan Meng Zi tidak banyak berbeza dengan pandangan Konfucius, ia berkata, "Manusia mempunyai unsur-unsur semula jadi untuk membina dan menghasilkan personaliti yang baik dan bermoral. Sifat semula jadi ini akan dapat membezakan antara manusia dengan binatang dan perubahan sikap sebenarnya banyak dipengaruhi oleh faktor sekeliling."

### *Pandangan Xun Zi*

Xun Zi (Legalisme) pula menyatakan sifat semula jadi manusia adalah buruk, dan kelakuan yang baik itu tumbuh hasil daripada usaha manusia.

### *Pandangan Lao Zi*

Lao Zi berpendapat dunia manusia adalah buruk. Keharmonian hanya terhasil apabila manusia kembali kepada keharmonian alam semula jadi. Segala kejahatan seperti mencuri, membunuh, merompak terjadi kerana manusia ingin mengejar sesuatu yang ia tidak dapat. Namun sekiranya manusia tidak mengejar perkara yang ia tidak dapat, maka manusia akan hidup secara aman. Justeru manusia mesti menahan hawa nafsunya.

Walaupun wujud pertentangan daripada sudut asal tabiat manusia, ketiga-tiga tokoh pemikir iaitu Konfucius, Mencius dan Xun Zi sebenarnya sepakat dalam mendakwa pendidikan dan pembelajaran adalah faktor utama dalam mengubah ataupun meningkatkan kualiti moral manusia.

## Individu dalam Masyarakat

Dalam tradisi masyarakat Cina, kehendak individu adalah sesuatu yang diakui. Namun kehendak itu boleh dikorbankan sekiranya bertentangan dengan kehendak umum. Ini ditegaskan oleh Konfusianisme, "Tentera sesebuah negara boleh menggulingkan Jeneralnya, seorang rakyat biasa sebaliknya tidak boleh dipaksa melepaskan cita-citanya." Namun sesuatu kejayaan amat bergantung kepada interaksi antara individu dalam masyarakat kerana perasaan bertanggungjawab ini dapat menjamin kestabilan dan kebajikan masyarakat umum. Justeru untuk bahagia, seseorang individu terpaksa hidup dalam masyarakat dan mematuhi norma-norma masyarakat.

## Nilai Kekeluargaan

Salah satu daripada norma masyarakat yang diiktiraf oleh tradisi masyarakat Cina adalah kehidupan berkeluarga. Oleh sebab itulah, Konfusianisme amat mementingkan institusi perkahwinan yang mempunyai tujuan utama dalam melahirkan generasi yang akan datang. He atau keharmonian dianggap sangat penting dalam sesebuah keluarga. Apabila wujud keharmonian atau dengan kata lain kebahagiaan, seseorang suami hidup harmoni dan bahagia dengan anak-anak dan isterinya, anak-anak pula bahagia dengan perhatian dan kasih sayang orang tuanya dan adik beradik yang lain. Situasi ini memberikan kesan yang baik pada kerjaya di luar.

Selain daripada itu, anak merupakan perkara penting dalam memelihara hubungan kekeluargaan masyarakat Cina, kerana anaklah yang menjadi jambatan penghubung di antara generasi. Malah kesalahan terbesar seorang anak adalah apabila dia tidak dapat melahirkan generasi yang akan datang dan memupuskan keturunan generasi orang tuanya. Di samping itu, ciri lain

dititikberatkan dalam sebuah keluarga China, antaranya ialah *jian* atau jimat cermat dan *qin* atau ketekunan. Sifat-sifat ini berfungsi sebagai kawalan memajukan keluarga dan menghasilkan sifat suka berkorban pada anak-anak dan ahli keluarga yang lain.

## Sistem Masyarakat <sup>4/8/05</sup>

Seperti sesetengah masyarakat di dunia, masyarakat Cina mempunyai sistem sosialnya yang tersendiri. Hierarki sosial ini menggambarkan keseluruhan peringkat masyarakat mereka yang mempunyai tugas dan peranan memajukan negara. Masyarakat Cina tradisi ini dibahagikan kepada empat kelas utama, iaitu:

- ① Golongan cerdik pandai.
- ② Golongan petani.
- ③ Golongan tukang.
- ④ Golongan peniaga.

Daripada kelas itu, golongan cerdik pandai dimasukkan ke dalam kumpulan kelas pemerintah. Manakala tiga kelas lain kadangkala melakukan kerja yang saling berkaitan. Walau bagaimanapun, pada abad ke-19 dan 20 perubahan ketara berlaku ke atas struktur masyarakat tradisi ini. Kemunculan peluang-peluang ekonomi baru membawa kepada keperluan golongan pekerja. Manakala, kemerosotan fahaman Konfucianisme mengakibatkan kejatuhan kumpulan aristokrat intelektual. Namun begitu, perubahan struktur masyarakat ini tidak menghapuskan nilai-nilai moral yang pernah diajar oleh Konfucius kerana ajarannya yang sesuai dengan jiwa manusia dan ia juga sudah berabad lamanya diamalkan.

## Nilai-Nilai Masyarakat <sup>← amalan atau nilai-nilai perseorangan</sup>

Kehidupan berkeluarga dan amalan bermasyarakat yang tidak mengetepikan kehendak perseorangan menggambarkan idealnya falsafah dan realiti kehidupan masyarakat Cina tradisi. Sebenarnya hampir keseluruhan cara hidup ini disumbangkan oleh pemikiran Konfucianisme. Konfucius melalui ajarannya telah menganjurkan beberapa konsep *ren* atau *jen*, *junzi*, 'lima hubungan' dan nilai-nilai

sosial yang lain. Terdapat juga konsep-konsep lain yang diperkenalkan iaitu Konsep *Dao* atau *Tao* dan Konsep *Chung* yang diperkatakan sebelum ini.

## Nilai-Nilai Sosial

Selain daripada nilai-nilai yang disebutkan sebelum ini, terdapat satu lagi nilai yang merujuk kepada sosial atau nilai tradisi masyarakat Cina. Nilai-nilai ini dipercayai boleh menjadi benteng kepada gejala sosial dan menjamin masyarakat dalam keadaan baik. Antaranya adalah *yi* atau keadilan, *chi* atau perasaan malu, *lian* atau kejujuran dan kesucian, *zhi* atau kebijaksanaan, *xin* atau kebolehpercayaan, *yong* atau keberanian, *jian* atau jimat cermat dan *zhong yong* atau budi pekerti yang sederhana.

## Nilai-Nilai Pendidikan, Politik dan Ekonomi

Salah satu budaya tradisi yang membawa kebaikan daripada dulu sehingga sekarang adalah sikap mementingkan ilmu atau pendidikan. Ini kerana, menurut ajaran Konfucius, pendidikan adalah satu-satunya jalan meningkatkan kualiti moral manusia. Beberapa konsep diperkenalkan berhubung soal pendidikan ini. Antaranya adalah *zun shi zhong tao* atau menghormati guru-guru dan menghargai kebenaran, *you jiao wu lei* atau mengajar setiap orang tanpa membeza-bezakan kategori dan darjat, *yin cai chi jiao* atau mengajar berasaskan kebolehan dan keperluan dan sebagainya. (Azhar Md. Aros et all, 2000: 229)

Berkaitan persoalan moral dan politik, Konfucionisme menegaskan seseorang pemimpin mesti menjalankan tugas-tugasnya secara adil, menjaga kebajikan rakyat, serta mentadbir negara dengan baik. Ajaran Konfucius dalam Daxue (The Great Learning) berpendapat apabila seseorang ingin menerangkan pemikiran manusia sedunia dengan kebaikan, ia mestilah berkebolehan memerintah sebuah negara. Tetapi sebelum dia dapat memerintah sebuah negara, dia mestilah dapat menguruskan sebuah keluarga dengan baik. Bagi mencapai objektif ini, dia dikehendaki membaiki diri sendiri dalam semua aspek. Tegasnya, memajukan diri sendiri adalah langkah pertama sebelum

memainkan peranan cemerlang dalam mentadbir keluarga, negara dan dunia keseluruhannya.

Unsur moral juga ditentukan dalam menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi. Konfucius tidak menghalang manusia daripada mencapai keuntungan dan kemewahan, tetapi mereka harus berfikir *yi* atau keadilan terlebih dahulu dan tidak mencari keuntungan dengan cara yang zalim. Menurut Konfucius, "Orang yang melaksanakan sesuatu pekerjaan untuk kepentingan peribadi hanya menimbulkan keburukan dan kebencian." Selain itu konsep *xin* atau kebolehpercayaan mesti diambil kira terutama dalam membuat janji agar etika dalam bidang ekonomi dapat berjalan dengan baik dan mencapai matlamatnya. Jika diteliti, sistem etika dan nilai masyarakat Cina tradisi di bawah payung falsafah Konfucionisme, anda mungkin boleh mengatakan ianya suatu nilai yang terlalu ideal.

Tetapi pemikiran Konfucionisme terbukti boleh dilaksanakan apabila ia diterima sebagai nilai masyarakat dan negara serta Konfucionisme sendiri mempunyai pengikut yang paling ramai berbanding pengikut ahli-ahli falsafah yang lain. Memahami dan mengikuti ajaran moralnya menyebabkan masyarakat Cina dipandang sebagai suatu bangsa yang rajin, kuat bekerja, taat kepada orang tua, dan lain-lain sifat yang dipandang oleh peradaban manusia.

## Kesimpulan

Kepelbagaian aliran pemikiran dan agenda dalam Tamadun China yang saling bergabung jalin dengan nilai-nilai dan etika menghasilkan suatu masyarakat yang dinamik dan progresif. Setiap aliran pemikiran mampu menarik pengikut yang agak ramai dan mereka bebas berpegang kepada aliran yang serasi bagi mereka. Namun begitu, nilai-nilai etika Konfusiunisme seakan-akan berjaya mendominasi keseluruhan aliran pemikiran China apabila sistem etika dan nilai Konfusiunisme ini dikenali sebagai sistem nilai orang-orang Cina walau di mana saja mereka berada.

## Bibliografi

- Azhar Md. Aros et all. 2000. *Titas 2*. Kuala Lumpur: Penerbit fajar Bakti.
- Edwin O. Reischauer dan John K. Fairbank. 1970. *East Asia: The Great Tradition*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Jack Gray. 1990. *Rebellion and Revolutions: China From The 1800s to the 1980s*. Oxford: Oxford University Press.
- John L. Nevius. 1995. *The Chinese*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Lok Chong Hoe. 1998. *Tamadun Cina- Falsafah, Pandangan Hidup dan Aspek-Aspek Kesenian*. Kuala Lumpur: CEDC dan USM.
- Jude Howell. 1993. *China Opens Its Doors*. Colorado: Lynne Rienner Publishers.
- Norton Ginsburg et. all. 1984. *China: The 80s Era*. Colorado: Westview Press.
- Suzanne Ogden. 1989. *China's Unresolved Issues- Politics, Development And Culture*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fung Yu-lan. 1996. *A Short of Chinese Philosophy*. New York: The Press.